

Para profesional belum capai mutu tinggi — Mahathir

UM 18 NOV 1985

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, para profesional Malaysia yang biasanya termasuklah peguam, masih belum begitu berjaya mencapai mutu profesionalisme yang tinggi yang diharapkan daripada mereka melalui peraturan diri.

Seorang profesional sepatutnya berkemahiran tinggi, bertanggungjawab kepada masyarakat dan komitmen yang mendalam kepada pelanggan, katanya semasa merasmikan persidangan kelapan undang-undang Malaysia di sini.

Peraturan diri bererti para profesional sentiasa mengingati dan mengenakan ke atas diri mereka matlamat semua baik dalam profesion dan profesion itu maju dengan kepentingan masyarakat umum, tambahnya.

Walaupun perlu diadakan undang-undang mengenai pelbagai perkara untuk melindungi para pengguna, para profesional masih perlu mengenakan peraturan ke atas diri sendiri, tambahnya.

Perdana Menteri menyesali kerana "badan-badan profesional ini lebih berjaya memastikan badan-badan itu tertutup, satu monopoli.

Beliau berkata, ada pelanggan yang bersungut tentang perkhidmatan yang tidak cekap dan kurang memuaskan, cara-cara yang di luar amalan profesion dan memperniagakan undang-undang.

Beliau menegaskan, menipu pelanggan adalah tidak amanah dan merupakan jenayah moral, malah dianggap lebih serius dalam amalan perundangan kerana jiwa dan masa hadapan pelanggan terlibat.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui mungkin ada kes-kes di mana peguam kadang kala terpaksa berurusan dengan pelanggan yang tidak jujur dan mahukan peguam hanya memberitahu apa yang mereka kehendaki.

Bagaimanapun, tegasnya, peguam hendaklah cuba berusaha bersikap jujur kerana kedudukan dan tugas mereka kepada masyarakat.

Yang turut hadir di persidangan persidangan tiga hari anjuran Majlis Peguam Malaysia itu ialah Ketua Hakim Negara, Tun Haji Salleh Abbas, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Abdul Hamid Omar dan Hakim Besar Borneo, Tan Sri Lee Hun Hoe.

Akibatnya, kepentingan anggota-anggota melebihi kepentingan masyarakat umum, malah negara sekalipun. Keadaan kekurangan bekalan dikekalkan supaya keperluannya melebihi bekalan. Apa-apa monopoli dalam apa jua keadaan dapat meletakkan syarat.

Jadi, tidaklah menghairankan jika badan-badan profesional ini dapat mengekalkan taraf hidup yang tinggi untuk para anggotanya," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan bahawa para profesional mestilah bersikap jujur, amanah, objektif dan tidak berat sebelah dan mereka juga tidak harus melibatkan diri secara emosi dengan para pelanggan.